

Jalinan kerjasama UMS dan Universiti Brunei Darussalam terus diperkukuh

UB 24 1 2014 B13

KOTA KINABALU: Kerjasama antara UMS dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang sedia terjalin sejak tahun 2008, terus diperkukuh apabila satu memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak ditandatangani baru-baru ini.

MoU itu dimeterai ketika delegasi UMS membuat kunjungan hormat kepada Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato' Seri Setia Hj Abu Bakar Hj Apong.

UMS diwakili oleh Naib

Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah menandatangani dokumen perjanjian itu, manakala UBD diwakili oleh Naib Canselor Dato Paduka Dr Hj Zulkarnain Hanafi, sambil disaksikan oleh Menteri Pendidikan Brunei Darussalam.

Kerjasama yang dijalin meliputi program pertukaran pelajar, latihan industri dan mobiliti, pertukaran bahan penerbitan, kerjasama dalam penyelidikan dan pengajaran, serta kerjasama dalam pelbagai bidang yang dipersetujui kedua pihak.

Delegasi UMS kemudiannya



ZULKARNAIN (empat dari kiri) bertukar dokumen dengan **Harun** (dua dari kanan) sambil diperhatikan oleh **Abu Bakar** (tiga dari kanan) dan **Awang Sahak** (kanan sekali).



membuat kunjungan hormat ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam usaha mengeratkan hubungan kerjasama yang terjalin antara kedua-dua institusi pengajian tinggi. Delegasi disambut oleh rektornya Pg Anak Dr Haji

HARUN (tiga dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada **Awang Sahak** (dua dari kiri) ketika delegasi UMS membuat lawatan kerja ke Brunei Darussalam.

Amiruddin Alam Shah Pg Anak Haji Ismail.

Selain Harun, delegasi UMS yang diketuai oleh Duta Besar Malaysia ke Brunei Darussalam Datuk Awang Sahak Awang Salleh turut disertai oleh Dekan Sekolah Sains Sosial UMS Prof Dato' Mohd Hamdan Adnan, pensyarah Sekolah Pengajian Seni Prof Dr Mohd Sahlan Hj Saman, Ketua Jabatan Canselori UMS No'man Datuk Hj Ahmad, dan Pemangku Pengarah Pusat Hal Ehwal Antarabangsa Molly Donna Datuk Hj Awang Sham.